

► Membaca

Baca maklumat yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan ulasan di bawah ini. **SP 2.2.3**

KEPENTINGAN BIDANG PERTANIAN

- Menyediakan sumber makanan untuk penduduk tempatan
- Mengurangkan kebergantungan pada barangan import
- Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan
- Menghasilkan pulangan yang lumayan



Poster menunjukkan (1) _____ di negara kita.

Satu daripada kepentingannya termasuklah dapat (2) _____

_____. Sekiranya bidang ini memperoleh hasil yang tinggi, (3) _____

Selain itu, bidang ini juga (4) _____

_____. Sebagai contoh, masyarakat boleh mengusahakan tanaman dan ternakan yang mampu menjadi punca pendapatan mereka. Bidang ini juga dijamin akan (5) _____

_____.
sekiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan harus memberikan galakan kepada golongan muda agar menceburi bidang ini.

Kamus Mini

1. pertanian – perusahaan bercucuk tanam
2. import – kemasukan barang-barang dari luar negeri
3. ternakan – binatang peliharaan (kuda, lembu, kerbau, kambing, dan lain-lain)
4. menceburi – melibatkan diri dalam, melibati
5. pulangan – hasil daripada atau pendapatan penanaman modal (pekerjaan, pemberian, perkhidmatan, dan lain-lain)